

BULETIN KPKT

BIL 2 MEI - OGOS 2011

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



KAMI TELAH BERPINDAH KE PRESINT 4, PUTRAJAYA



UPGRADING THE DELIVERY SYSTEM
ON SOLID WASTE MANAGEMENT
AND PUBLIC CLEANSING SERVICES

Mukasurat 3

DANA PINJAMAN
KG. BARU CINA

Mukasurat 5

ISSN 1394-0538



9 771394 053002

Sidang Redaksi

Penasihat

Y.Bhg. Datuk Ahmad Hj. Kabit
Ketua Setiausaha

Ketua Editor

Jessylina Mat Lazim
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila Abdul Latif
Muhamad Faiz Abdul Rahman

Sidang Pengarang

Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Sem. Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Jabatan Landskap Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar
Bahagian Inspektorat
Bahagian Kewangan Dan Perolehan
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Korporat
Bahagian Pemberi Pinjam Wang Dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Unit Audit Dalam

Fotografi

Ahmad Marzuki Othman

Penerbit

Unit Komunikasi Korporat

Editor Buletin KPKT amat menghargai sumbangan artikel daripada
warga KPKT. Artikel berkenaan hendaklah dikemukakan ke:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 2, No. 51 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : (603) 8891 5556
Faks : (603) 8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
No. 51 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : (603) 8891 5000
Faks : (603) 8891 5557
www.kpkt.gov.my

Tinta Pena Ketua Setiausaha



Assalamualaikum W.B.T. dan Salam 1Malaysia

Alhamdulillah dengan limpah izin dan kurnia-Nya, semasa Buletin KPKT Bil. 2/2011 diterbitkan kita berada di dalam dua suasana yang unik dan istimewa yang mana kita menyambut Hari Raya Aidilfitri berselang sehari dengan sambutan kemerdekaan negara kali ke-54. Disamping itu, dalam tempoh 4 bulan ini, pelbagai rentetan peristiwa penting berlaku di Kementerian yang memberi impak kepada rakyat umumnya dan warga KPKT khususnya.

Tanggal 7 Jun 2011, genaplah setahun YB Menteri, Dato' Wira Chor Chee Heung menyandang jawatan tertinggi di KPKT. Sepanjang setahun beliau menerajui KPKT, pelbagai inisiatif dan usaha penambahbaikan telah dilaksanakan sebagai langkah merealisasikan gagasan 1Malaysia : 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Agenda kepemimpinan YB Menteri Dato' Wira adalah jelas dalam setiap pendekatan yang dilaksanakan beliau apabila memberikan fokus dalam semua aspek yang terkandung di bawah bidang kuasa Kementerian. Kami seluruh warga KPKT amat berterima kasih dan menghargai segala usaha yang telah beliau laksanakan dan berharap momentum dan kerjasama ini dapat kita bersama teruskan untuk menjadikan KPKT lebih signifikan dalam misi untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Sebagai tanda penghargaan kepada YB Menteri Dato' Wira, satu majlis sambutan Setahun YB Menteri di KPKT telah diadakan pada 22 Jun 2011 bersekalikan dengan Majlis Perhimpunan KPKT. Dalam majlis yang sama, YB Menteri telah melancarkan Kempen Senyum KPKT dengan tagline "Senyum Dalam Perkhidmatan". Pihak Kementerian melancarkan kempen senyum ini kerana menyedari kepentingan memberikan layanan yang baik kepada para pelanggan, meningkatkan kredibiliti dan membentuk imej positif Kementerian. Sehubungan itu, semua warga KPKT adalah diseru untuk memberi perkhidmatan dengan senyuman kepada pelanggan bagi menjayakan kempen 'Senyum Dalam Perkhidmatan'.

Mengorak satu lagi langkah kearah mewujudkan kehidupan berkualiti, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) akan dikuatkuasakan mulai 1 September 2011. Penguatkuasaan Akta ini akan diiringi dengan pelaksanaan penswastan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang akan mencetuskan pembaharuan dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Justeru itu, selaku Kementerian yang menerajui transformasi dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara ini, kami akan berusaha menjadikan perkhidmatan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang seragam, kos efektif, mesra alam dan diterima oleh masyarakat. Hal ini adalah demi menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersih, indah dan sejahtera.

Melakar sejarah tersendiri dalam tahun 2011, KPKT telah berubah lokasi dari Pusat Bandar Damansara ke Putrajaya pada pertengahan Julai 2011. Dengan perpindahan ke bangunan baharu di Presint 4, Putrajaya, KPKT menghimpunkan semua bahagian khidmat sokongan KPKT dan empat Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara (JPN), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) di bawah satu bumbung. Dengan izin-Nya, kita berjaya menyelesaikan perpindahan keseluruhan pejabat pada penghujung bulan Ogos dan bersedia beroperasi sepenuhnya di bangunan baharu pada 1 September 2011.

Dengan perpindahan ke bangunan baharu yang lebih selesa dan sempurna, diharapkan seluruh warga KPKT dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan sebagai tanda berterima kasih kepada Maha Pencipta dan pihak Kerajaan yang sentiasa menjaga kebajikan dan kepentingan semua pihak. Sehubungan itu, kita harus sentiasa meletakkan komitmen sebagai fokus utama kita kerana ia merupakan amanah yang harus dipikul di bahu kita kearah membina kehidupan yang berkualiti demi esok yang cemerlang.

1MALAYSIA, MENJANA TRANSFORMASI,

Datuk Ahmad Haji Kabit

Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan



By Dato' Wira Chor Chee Heung

Introduction

We are witnessing a new era in the provision of solid waste and public cleansing management in Malaysia which portends a better delivery system and quality service to our rakyat. The Solid Waste Management and Public Cleansing Act 2007 (Act 672) will be enforced together with the implementation of the full privatisation of the solid waste and public cleansing services throughout Peninsular Malaysia and Federal Territories including Putrajaya and Labuan. The implementation and enforcement of Act 672 underlies the strategic intent to re-invent and transform our solid waste management and public cleansing industry into an integrated and efficient sector that will deliver quality service to the rakyat and society.

Act 672 and its concomitant privatisation of both services will be implemented in a staggered mode. It was first implemented in seven states comprising Perlis, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor and Federal Territories including Putrajaya on Sept 1, 2011. Both Penang and Selangor have officially applied and given exemption while Perak, Kelantan and Terengganu have indicated that they will implement them at a later date.

THE FUTURE PROBLEM

Currently, we generate about 22,000 metric tonnes of solid waste daily and it is projected to increase to 30,000 metric tonnes a day

EKSKLUSIF

UPGRADING THE DELIVERY SYSTEM ON SOLID WASTE MANAGEMENT AND PUBLIC CLEANSING SERVICES

in 2020. The projected two-fold increase in inevitable as our nation achieves higher economic growth and development. Growing population, untrammelled industrialisation and rapid urbanisation coupled with the rise in insatiable consumerism have exerted enormous strain on the collection and disposal of solid waste, and managing public cleansing in our country. This dire condition is compounded by the present practice of collection and disposal of solid waste managed by local councils which is fragmented without a uniform law and regulations as well as insufficient manpower to monitor and evaluate the output and the performance of various contractors.

The task of managing a greater amount of solid waste in the future requires an integrated approach which needs an additional expenditure and budget. It requires more manpower, transportation, storage facilities, sanitary landfills, incinerators and other state-of-the-art technology to deal with an increase in solid waste in the future. Today, the local councils are facing financial constraints and will have to seek new sources of revenue to construct and procure the necessary infrastructure and logistics to ensure the present delivery system can fulfil its obligation to the rakyat in the future.

In the long run, the failure to provide sound solid waste management and public cleansing will increase the looming threat of health problems and diseases such as leachate contamination of our water resources. In addition, it will discharge hazardous gas such as ethanol that may contribute to the greenhouse effect that will affect the environment and accelerate the impact of climate change.

FEDERALISATION OF SERVICES

The federalisation of sanitation which is a matter under the purview of the Concurrent List in the Ninth Schedule of the Federal Constitution, and the management of

controlled solid waste and public cleansing currently administered by local authorities, is an ambitious agenda of the Federal Government to transform and upgrade the solid waste management and public cleansing industry in order to provide quality services to the rakyat. Act 672 will ensure uniformity of law and policy as well as regulations for proper control of the management and operations of those service providers and contractors involved in the industry.

It will pave the way for the new modus operandi of solid waste and public cleansing management to be undertaken by the Federal Government. The Federal Government will take over the collection and disposal of solid waste as well as public cleansing from local authorities conducted via the previous interim privatisation agreement. The interim privatisation was between the local authorities and the three concession companies. The old temporary framework implemented under the interim privatisation will be replaced by a new full privatisation agreement between the Federal Government, concession companies and Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation.

Under the full privatisation, local authorities will hand over the management of solid waste and public cleansing to the Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation, a new statutory body established by the Federal Government. The taking over of the services once under the purview of local authorities and State Governments by the Federal Government should not be misconstrued as an act of ceding their power and relinquishing control. It should be interpreted as the transfer of responsibilities under a win-win arrangement for both State and Federal Governments, but the real winner is the rakyat, who will reap tangible benefits in the form of better and quality services in their community. The local authorities who are relieved from performing this task will be able to concentrate on their other core

businesses such as planning and development of their area, enforcement of by-laws and regulations, issuing of business licences and collection of revenue.

Under the win-win arrangement, the local authorities do not need to fork out additional expenditure under the new privatisation framework which will pay a higher rate to concession companies. The local authorities will continue to contribute the same amount of expenditure that they have paid during the interim period and the Federal Government will bear the extra cost. For example, if local authority A has been paying RM3 per premises and the new rate is RM8, it will continue to pay RM3 while the Federal Government will top up the payment of the balance.

INSTITUTIONAL FRAMEWORK

Malaysia is the first country in the world that is embarking on creating the federal policy and institutional framework to manage solid waste and public cleansing services which are predominantly undertaken by local authorities. In the concerted effort to achieve this goal, the Federal Government has established two organisations, namely National Department of Solid Waste Management, and Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation, to regulate and govern the services industry from collection, transportation, storage and treatment to disposal of solid waste at prescribed facilities.

Both the organisations are under the purview of the Ministry Of Housing and Local Government. The National Department of Solid Waste Management is a regulatory body while the Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation is the lead agency to implement the policy and regulations. The Corporation is established by Act 673 and its sole responsibility is to enforce Act 672 and its related regulations pertaining to the management of controlled solid waste and public cleansing for the purpose of maintaining proper sanitation as well as to monitor and manage both services provided by the concession companies.

THE SCOPE

The controlled solid waste comprises commercial solid waste, construction waste, household solid waste, institutional solid waste, imported solid waste and public solid waste as well as other solid waste which may be prescribed from time to time. In the

earlier stage of full privatisation of solid waste management, it will only cover the solid waste generated by households, commercial shops in residential and industrial areas, public institutions, public and night markets as well as hawkers centres built by local councils. The other prescribed solid waste will be incorporated later.

On the other hand, the scope of privatisation of public cleansing services includes the cleansing of public roads, public places, public toilets and public drains; the cleansing of markets and hawker centres excluding those privately owned and maintained food courts. It also covers beach cleansing, grass cutting in public places, kerbside grass cutting on public roads, the clearing of illegal dumpsites and removal of carcasses.

THE MODUS OPERANDI

Under the new agreement, the concession companies will be paid a higher rate as a monetary incentive to provide consistent and quality services to the rakyat. In return, to commensurate with the higher payment, the concession companies will undertake to increase their manpower and upgrade their infrastructure and logistics, especially the transportation capacity. The concession companies will also supply new bins to ensure solid waste is disposed of in a proper and hygienic way.

The Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation has divided the area of services into scheme for solid waste management and zone for public cleansing. There are 231 solid waste schemes and 231 public cleansing zones created to manage the performance of concession companies in providing their services. The concession companies must submit the collection schedule to Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation which will monitor their performance. The agency has more than 500 enforcement staff to undertake daily surveillance to monitor the performance and quality of services provided by concession companies.

KEY PERFORMANCE INDICATORS

One of the key management tools to measure and evaluate the performance of operators is the development of standards of performance and Key Performance Indicators (KPIs) will be adopted. An integral part of the new modus operandi is the creation of KPIs to monitor and evaluate the output and performance of

concession companies objectively. The KPIs created are to measure the quality of both services provided – on the distribution of bins and the usage of new transportation vehicles. There are two categories of KPIs, which are primary and secondary. Primary KPIs are related to quality of service that has direct impact on main operations, the environment and public health while the secondary KPIs deal with the quality of services that will affect smooth operations and public convenience. In the event of non-compliance of the KPI, the concession companies will be penalised with a demerit point for each failure, and the accumulated default points will be translated into a fine payable in monetary terms.

Besides the enforcement staff, the rakyat as consumers can also play a pivotal role to monitor and report the performance of concession companies. Toward this end, we have established a Sistem e-Aduan which allows the rakyat to report any complaints online pertaining to the poor performance of services rendered by concession companies.

SEGREGATION OF SOLID WASTE AT SOURCE

In the long run, the key success factor to achieving our goal of creating an excellent solid waste management and public cleansing service is to reduce the generation of solid waste. The sustainable way is to embrace and religiously adopt the 3R culture, and it requires community-based participation of the rakyat to ensure its success. Act 672 has a provision to make it mandatory for households to segregate solid waste at source. But at the beginning of the enforcement of the law and privatisation, this mandatory requirement will not be enforced yet and will only be implemented at a later stage.

CONCLUSION

Our concerted efforts to reform and transform the waste services industry is a long journey as it involves many stakeholders comprising the Federal Government, State Governments, operators and consumers. It is a challenge fraught with trepidation but with close cooperation and resolute will to succeed, I strongly believe we will deliver what we seek to achieve. Our ultimate quest is the creation of an efficient and sustainable solid waste management and public cleansing framework that is strategically positioned to provide solutions to cater for the needs and demands that come together with future economic growth and development.



Kampung Baru merupakan penempatan penduduk yang diwujudkan pada zaman darurat iaitu mulai tahun 1948 hingga tahun 1960 yang bertujuan mengekang dan membanteras ancaman pengganas komunis.

Kebanyakan penempatan ini diwujudkan tanpa perancangan dan berlaku secara tergesa-gesa di mana penduduk-penduduk di kawasan terpencil dipindahkan ke kawasan penempatan baharu. Di antara masalah-masalah yang timbul adalah meliputi kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sosial. Kerajaan juga faham bahawa antara masalah yang dihadapi oleh majoriti penduduk Kampung Baru pada hari ini adalah berkaitan dengan tanah berstatus Lesen Pendudukan Sementara atau Temporary Occupation Licence (TOL) atau pajakan selama 30 atau 60 tahun.

Di kalangan mereka ini ada yang menghadapi masalah untuk membayar premium tanah TOL yang telah memperolehi hak milik atau memperbaharui tempoh pajakan disebabkan oleh kekangan kewangan. Selain daripada itu, terdapat penduduk Kampung Baru yang tinggal di rumah yang telah uzur kerana tidak mampu menaik taraf rumah mereka. Disebabkan tiada kegiatan ekonomi yang mantap dan peluang pekerjaan yang terhad di kawasan Kampung Baru, ramai penduduk terutamanya generasi muda terpaksa berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan.

Sehubungan itu, Kerajaan telah memperkenalkan program Dana Pinjaman Bagi Penduduk Kampung Baru dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dipertanggungjawabkan sebagai lead agency untuk Program Dana Pinjaman Bagi Penduduk Kampung Baru. Tujuan dana ini diwujudkan adalah untuk membantu penduduk-penduduk Kampung Baru membuat pinjaman bagi membiayai bayaran premium tanah atau memperbaharui tempoh pajakan tanah



mereka. Bagi penduduk yang rumah mereka telah uzur dan berhasrat untuk menaik taraf rumah, mereka juga boleh membuat pinjaman melalui dana tersebut. Dana ini juga disediakan untuk membantu penduduk Kampung Baru terutamanya golongan muda memulakan aktiviti perniagaan kecil di kawasan perkampungan mereka. Dalam ertikata lain, dana ini dapat membantu memantapkan kegiatan ekonomi di kawasan Kampung Baru.

Jenis	Butiran Skim	Syarat-Syarat Permohonan
Skim A	Pinjaman Bagi Membiayai Bayaran Premium dan Memperbaharui Tempoh Pajakan Tanah Kediaman	- Pemohon hendaklah merupakan penduduk Kampung Baru; - Warganegara Malaysia berumur antara 21 hingga 63 tahun dan tidak melebihi 65 tahun semasa membuat pinjaman; - Mempunyai pekerjaan tetap dan pendapatan isirumah di antara RM1,000 hingga RM3,000 sebulan; - Pemohon hendaklah merupakan pemegang permit tanah TOL atau tanah pajakan; - Pemohon juga boleh membuat pinjaman bersama dengan jumlah pendapatan isirumah di antara RM1,000 hingga RM10,000 sebulan; - Jumlah minimum pinjaman RM3,000 dan maksimum adalah RM100,000 dengan tempoh pembayaran balik di antara 2 hingga 10 tahun.
Skim B	Pinjaman Perniagaan Mikro	- Warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas dan tidak melebihi 60 tahun semasa memohon pinjaman; - Perniagaan boleh, sama ada pemilik tunggal (sole proprietor) atau perkongsian (partnership) dan didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau sekiranya tidak dibuat pendaftaran, perniagaan hendaklah disahkan oleh Pengerusi JKPP/JKKPP atau Ketua Kampung atau Wakil Rakyat atau Penghulu; - Jumlah minimum pinjaman adalah RM5,000 dan maksimum RM50,000 dan tempoh bayaran balik adalah di antara 6 bulan hingga 5 tahun.
Skim C	Pinjaman Menaik taraf rumah	Masih lagi dalam tindakan BSN untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak Bank Negara Malaysia.



Program ini dilaksanakan melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) dan terbuka kepada warganegara Malaysia yang tinggal di Kampung Baru (kecuali Kampung Baru Kuala Lumpur). Walau bagaimanapun, pinjaman ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak BSN mengikut skim masing-masing. Secara umumnya program dana pinjaman ini mempunyai 3 skim iaitu :

Kesemua skim ini tidak dikenakan cagaran kerana Kerajaan mengambil kira kesukaran peminjam bagi memenuhi syarat tersebut. Selain daripada itu, kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman tersebut adalah rendah iaitu 4% setahun dan dikira berasaskan baki bulanan (monthly rest).

Dengan kadar pinjaman yang rendah dan kriteria atau syarat pinjaman adalah mesra peminjam, pihak Kementerian percaya dana ini akan memberikan manfaat yang sepenuhnya kepada penduduk Kampung Baru yang akhirnya boleh meningkatkan taraf hidup dan memantapkan ekonomi mereka.

PENYAMPAIAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR SERTA GERAN TAHUNAN KEPADA PBT NEGERI PAHANG

Majlis menyampaikan Mock-Cheque Sumbangan Membantu Kadar (SMK) dan Geran Tahunan kepada PBT negeri Pahang telah disempurnakan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Wira Chor Chee Heung pada 12 Jun 2011 sempena Lawatan Turun Padang YBM. Geran tahunan PBT bagi Negeri Pahang bagi tahun 2011 secara keseluruhannya adalah berjumlah RM 18, 246,082.00 dan SMK berjumlah RM 4,673,926.00. Berikut merupakan agihan Geran Tahunan dan SMK kepada sebelas PBT di Negeri Pahang.

SMK merupakan geran kepada PBT untuk mengganti cukai yang dikecualikan terhadap harta-harta Kerajaan Persekutuan yang diselenggarakan oleh PBT seperti tanah dan bangunan-bangunan. Penilaian ini dibuat oleh pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Sumbangan ini diberikan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan PBT dalam melaksanakan fungsinya memberi perkhidmatan dan menyediakan kemudahan infrastruktur, kemudahan awam dan sosioekonomi di kawasan masing-masing

15.12 JUTA DIPERUNTUKAN KEPADA PBT KEDAH, PULAU PINANG DAN PERLIS

Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kerajaan Tempatan sehingga Jun 2011 telah memperuntukkan sebanyak RM 15.12 juta bagi melaksanakan 150 buah projek di sebelas kawasan PBT Negeri Kedah dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Peruntukan yang diberikan ini adalah bukti Kerajaan prihatin dalam menyediakan kemudahan prasarana bagi kemudahan rakyat jelata.

Majlis Penyerahan Geran Tahunan untuk sebelas PBT (Kedah), dua PBT (Pulau Pinang) dan satu PBT (Perlis) telah diadakan pada 2 Julai 2011 bertempat di Dewan Tunku Putra Kuala Nerang. Geran tahunan PBT bagi Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis bagi tahun 2011 secara keseluruhannya adalah berjumlah RM 29,928,251.00, RM 10,000,000.00 dan RM 2,016,792.00. Ini adalah satu daripada pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan Akta Pemberian Negeri (Penyenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan) 1981 (Akta 245). Ia adalah peruntukan bagi membantu PBT bagi menguruskan pentadbiran. Berikut merupakan agihan Geran Tahunan dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) kepada Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Geran Tahunan (RM)	Sumbangan Membantu Kadar (RM)
1.	Majlis Bandaraya Alor Setar	4,383,276	1,124,883
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	3,537,380	855,418
3.	Majlis Daerah Kubang Pasu	4,701,315	158,158
4.	Majlis Daerah Baling	2,981,438	50,557
5.	Majlis Perbandaran Kulim	5,000,000	165,562
6.	Majlis Perbandaran Langkawi	1,492,749	1,348,759
7.	Majlis Daerah Padang Terap	1,493,978	52,906
8.	Majlis Daerah Bandar Baharu	1,105,644	45,938
9.	Majlis Daerah Yan	1,533,520	71,026
10.	Majlis Daerah Pendang	2,125,306	31,280
11.	Majlis Daerah Sik	1,573,645	16,499
12.	Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim	-	10,831
Jumlah Kecil		29,928,251	3,931,817
1.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	5,000,000	2,245,425
2.	Majlis Perbandaran Seberang Perai	5,000,000	2,037,118
Jumlah Kecil		10,000,000	4,282,543
1.	Majlis Perbandaran Kangar	2,016,792	1,027,059
Jumlah Kecil		2,016,792	1,027,059
JUMLAH BESAR		41,945,043	9,241,419

Turut hadir bagi majlis perasmian ini ialah YB Dato' Ir Phahrolrazi bin Haji Nawawi (EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Negeri Kedah), YB Dato' Wira Haji Rasli bin Basir (Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah), Y.Bhg. Dato' Halimi bin Abd. Manaf (Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerajaan Tempatan), Yang Berusaha Datuk Hj. Azmi bin Lateh (Pengarah Pejabat Pembangunan Persekutuan, Negeri Kedah), Y.Bhg. Tuan Hj. Mohd Fuzi Bin Mohaidin (Yang Dipertua, Majlis Daerah Padang Terap), Yang Dipertua-Yang Dipertua Majlis-Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah Negeri Kedah, Negeri Pulau Pinag dan Negeri Perlis, dan Ahli-ahli Majlis, Majlis Daerah Padang Terap.



Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Geran Tahunan (RM)	Sumbangan Membantu Kadar (RM)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	4,746,403.00	2,113,395.00
2.	Majlis Perbandaran Bentong	1,168,161.00	291,313.00
3.	Majlis Daerah Raub	1,377,210.00	254,001.00
4.	Majlis Perbandaran Temerloh	2,907,320.00	772,912.00
5.	Majlis Daerah Cameron Highlands	722,137.00	231,760.00
6.	Majlis Daerah Jerantut	1,042,249.00	167,209.00
7.	Majlis Daerah Lipis	1,213,815.00	240,561.00
8.	Majlis Daerah Maran	1,042,687.00	196,250.00
9.	Majlis Daerah Pekan	1,127,598.00	134,241.00
10.	Majlis Daerah Rompin	870,118.00	233,052.00
11.	Majlis Daerah Bera	2,028,384.00	39,232.00
JUMLAH BESAR		18,246,082.00	4,673,926.00



PBT PERAK TERIMA GERAN TAHUNAN DAN SMK BERJUMLAH RM 32.7JUTA

Pada 23 Julai 2011, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dato' Wira Chor Chee Heung telah menyampaikan Mock-Cheque SMK dan Geran Tahunan kepada PBT negeri Perak berjumlah RM 32,731,493.59 juta. Selain daripada itu, antara aktiviti lain yang dijalankan sempena program tersebut adalah aktiviti berkaitan Program Local Agenda 21 iaitu:

- Ceramah Agama;
- Evening Walk dan perjumpaan ADUN dengan pemandu lori;
- Perkhemahan pelajar sekolah di perkarangan Majlis Daerah Tanjong Malim;
- Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya
- Ceramah Tandas Bersih oleh Q-Ram;
- Pertandingan Memasak;
- Pertandingan Gubahan Bahan Terbuang;
- Sukan Persahabatan di antara JKT dan MD Tanjong Malim;
- Gotong-royong menyediakan makanan untuk jamuan; dan
- Pameran Produk Tempatan & IKS, FAMA, Kraftangan, Seni Kebudayaan, Program & Aktiviti MD Tanjong Malim dan Informasi.

SENYUM DALAM PERKHIDMATAN

Lanjutan daripada Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertajuk “Usaha-Usaha Memantapkan Amalan Senyuman Dalam Penyampaian Perkhidmatan Sektor Awam” bertarikh 17 Disember 2010, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan Kempen Amalan Senyum KPKT pada 22 Jun 2011. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Wira Chor Chee Heung.

Kempen bermula dengan gimik pelancaran yang memperkenalkan icon Kempen Senyum KPKT dengan tagline “Senyum Dalam Perkhidmatan” dan pendedaran smiley cards kepada warga KPKT. Tujuan kempen ini adalah untuk mewujudkan perkhidmatan yang lebih mesra pelanggan dan merupakan salah satu inisiatif Kementerian dalam mempelbagaikan usaha-usaha ‘*Delighting the Customers*’. Semua warga KPKT adalah terlibat dalam kempen ini terutamanya petugas-petugas barisan hadapan (frontliners).

Menyedari kepentingan memberikan layanan yang baik kepada pelanggan, KPKT telah berusaha ke arah untuk menerapkan amalan senyum sebagai salah satu elemen utama di kalangan pengurusan pelanggan. Amalan ini amat praktikal untuk diamalkan oleh seluruh penjawat awam di Kementerian, Jabatan dan Bahagian sebagai salah satu usaha bagi meningkatkan kredibiliti selain menaikkan nama Kementerian secara amnya. Layanan perkhidmatan yang disertai dengan senyuman yang ikhlas boleh memberikan satu impak yang positif di samping mampu meningkatkan kepuasan pelanggan.

Justeru itu, Sektor Pengurusan KPKT selaku penyelarasan kempen ini yang dipengerusikan oleh YBhg. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Datin Noriah Hashim telah merangka pelbagai program/aktiviti yang akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memupuk budaya senyum di kalangan warga KPKT. Semua warga KPKT adalah diseru untuk memberi perkhidmatan dengan senyuman kepada pelanggan bagi menjayakan kempen ‘Senyum Dalam Perkhidmatan’.



Fakta Menarik

Laporan ‘The Smiling Report 2011’ yang dikeluarkan oleh Sweeden menunjukkan bahawa amalan senyum telah berjaya mewujudkan persekitaran perniagaan yang baik dalam pelbagai sektor.

Kajian juga menunjukkan individu yang ketawa 100 kali dalam tempoh 24 jam menerima manfaat kardiovaskular sama seperti bersenam selama 10 minit. Hal ini terjadi kerana apabila seseorang individu ketawa, tekanan darah dan kadar degupan jantungnya meningkat. Lantas kedua-dua kadar ini menurun dengan lebih rendah daripada paras sebelum ketawa.

Kanak-kanak lebih banyak ketawa berbanding orang dewasa. Kanak-kanak berumur antara empat hingga enam tahun ketawa 400 kali sehari berbanding hanya 15 kali sehari di kalangan orang dewasa. Justeru, tidak hairan jika orang dewasa lebih mudah diserang penyakit serta mengalami masalah tekanan dan kemurungan.

Kajian yang dibuat oleh sekumpulan saintis dari Universiti Pusat Perubatan California menjelaskan terdapat dua jenis ‘stress’ iaitu stress yang baik dan stress yang tidak baik. Senyum dan ketawa dikategorikan sebagai stress yang baik. Stress yang tidak baik akan memberikan tekanan kepada sistem ketahanan badan.

MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN KE-64 (MNKT KE-64)

Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-64 telah berlangsung pada 23 Mei 2011 di Putrajaya. Mesyuarat tersebut telah mempertimbangkan 5 kertas oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan 1 kertas oleh Kementerian Pengangkutan. Selaku badan tertinggi penggubal dasar dan undang-undang kerajaan tempatan selaras dengan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan, mesyuarat MNKT Ke-64 ini membuat keputusan seperti berikut:

Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

1. Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984)

Mesyuarat bersetuju dengan Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984) yang meliputi aspek iaitu:

i. Pemasangan Komunikasi Sebagai Perkhidmatan Asas

ia mewajibkan pemasangan komunikasi sebagai perkhidmatan asas sama seperti penyediaan infrastruktur untuk bekalan elektrik dan air dalam usaha menjadikan Malaysia negara moden dalam abad ke-21.

ii. Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPA)

ia mewajibkan pemasangan SPAH dalam pembangunan. Pemasangan SPAH boleh mengurangkan permintaan air terawat kepada 75%. Melalui pindaan ini pemaju diwajibkan memasang SPAH bagi jenis-jenis bangunan kediaman seperti banglo dan bangunan berkembar sahaja dan semua kategori bangunan berasingkan seperti bangunan kerajaan, institusi, komersial, industri dan lain-lain.

2. Dasar Landskap Negara (DLN)

Mesyuarat bersetuju dengan Dasar Landskap Negara (DLN) ke arah menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020.

- DLN adalah merealisasikan Misi Nasional yang digariskan dalam Teras 4, iaitu Meningkatkan Tahap dan Kemampanan Kualiti Hidup.

- DLN mengandungi 7 teras utama, 16 strategi dan 74 pelan tindakan.

3. Dasar Perumahan Negara (DRN)

Mesyuarat bersetuju dengan Dasar Perumahan Negara (DRN). Matlamat DRN adalah untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan keselamatan hidup rakyat.

- Perumahan merupakan salah satu keperluan asas yang harus disediakan untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa terpelihara.

- DRN mengandungi 3 objektif, 6 teras dan 20 pernyataan dasar.

4. Cadangan Penambahbaikan Proses Permohonan Lesen Premis Perniagaan

Mesyuarat bersetuju dengan Cadangan Penambahbaikan Proses Permohonan Lesen Premis Perniagaan yang membolehkan lesen premis perniagaan dikeluarkan serta merta oleh PBT.

- Penambahbaikan ini dapat mewujudkan persekitaran yang mesra peniaga serta membantu meningkatkan daya saing negara. Ini sejajar hasrat kerajaan yang mahukan sektor awam menjadi pemudahcara kepada sektor swasta.

5. Cadangan Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design)

Mesyuarat bersetuju dengan Cadangan Garis Panduan Perancangan Rekabentuk Sejagat (Universal Design)

- Reka bentuk sejagat (universal design) didefinisikan sebagai reka bentuk persekitaran dan produk yang boleh digunakan secara meluas oleh semua golongan individu tanpa memerlukan sebarang adaptasi atau rekaan khas.

- Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design) akan dilaksanakan di peringkat Kerajaan Negeri dan PBT di mana pihak berkuasa berkenaan perlu memastikan semua pemaju mematuhi garis panduan ini semasa mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.



Selain daripada itu, Mesyuarat MNKT Ke-64 ini juga mengambil maklum akan 4 kertas makluman yang dibentangkan oleh KPKT berhubung:

- Panduan Pelaksanaan Rekabentuk Bandar Selamat
- Status Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) Bagi Cadangan Pemajuan Bagi Tempoh 13 April 2007 Sehingga 30 April 2011
- Pengeluaran Lesen Dan Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Bagi Tempoh 1 Julai 2010 Sehingga 31 Disember 2010
- Template Seragam Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci Agensi Teknikal Dalam

Kementerian Pengangkutan

- Penyelarasan Kadar Kompaun Baru Kesalahan Lalu Lintas Dan Fii Bagi Tindakan Mengapit, Mengalih Dan Menyita Kenderaan Di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) Dan Akta Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334)

Mesyuarat bersetuju dengan Kadar Kompaun Baru Kesalahan Lalu Lintas Dan Fii Bagi Tindakan Mengapit, Mengalih Dan Menyita Kenderaan Di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) Dan Akta Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334).



MAJLIS PENYERAHAN CCTV KEPADA PBT DAN PDRM

Majlis Penyerahan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah berlangsung pada 14 Julai 2011 bertempat di Hotel Sri Pacific, Kuala Lumpur.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Wira Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam majlis tersebut, YB Menteri telah menyerahkan sijil penyerahan (handling over) serta dokumen 'Standard Operating Procedure' atau SOP kepada 25 PBT dan 28 bilik kawalan PDRM yang akan melaksanakan projek CCTV ini. Turut hadir ialah YBhg Datuk Ahmad Haji Kabit, Ketua Setiausaha KPKT.



Pemantauan melalui CCTV adalah bertujuan untuk mengurangkan jenayah, terutamanya jenayah jalanan yang dilaksanakan untuk menjaga kesejahteraan hidup rakyat seperti yang telah dijanjikan. Ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah. Walaupun peneraju utama NKRA ini adalah Kementerian Dalam Negeri, namun KPKT juga terlibat secara langsung dalam membantu mengurangkan kes curi dan ragut dan samun iaitu melalui pemasangan CCTV di kawasan-kawasan 'hot spots' dan Program Bandar Selamat.

Projek membekal, memasang, mengujiterima dan menyenggara CCTV ini telah dimulakan pada 15 Februari 2011 di Majlis Bandaraya Ipoh hinggalah ke tarikh 1 April 2011 di Majlis Perbandaran Seberang Perai. Sebanyak 496

CCTV telah dipasang di 25 kawasan PBT di hampir keseluruhan Semenanjung Malaysia. Bilik-bilik kawalan juga telah di bina di 25 PBT berkenaan serta di 28 Ibu Pejabat Polis Kontijen dan Ibu Pejabat Polis Daerah yang berkaitan. Di dalam melaksanakan projek ini, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukan sejumlah RM59,871,200.00 yang mana sistem ini akan beroperasi secara sewaan selama 5 tahun.

CCTV yang diserahkan kepada PDRM telah beroperasi di Bilik Kawalan 24 jam sehari. Terdapat lapan Bilik Kawalan PBT yang telah berfungsi 24 jam seperti di Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Port Dickson, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis

Perbandaran Kota Bharu. Sistem CCTV yang diserahkan mempunyai beberapa ciri terkini seperti 'optical zoom' sebanyak 25 kali (25X optical zoom) yang dapat memaparkan imej beresolusi tinggi dan jelas pada monitor bilik kawalan. Di samping itu, sistem CCTV tersebut juga berupaya membuat rakaman video bagi tempoh 45 hari berterusan. Pembesar suara atau speaker juga telah dipasang di tiang-tiang CCTV berkenaan supaya PBT atau PDRM boleh membuat sebarang pengumuman apabila perlu.

Pihak Kementerian sedang dalam tindakan untuk pelaksanaan CCTV Fasa 2 di PBT-PBT lain di seluruh negara yang akan melibatkan perluasan pemasangan CCTV terutamanya di negeri-negeri dan PBT yang belum dilengkapi dengan sistem tersebut.



MAJLIS PELANCARAN SISTEM PEMANTAUAN BANDAR SELAMAT 2011



Program Bandar Selamat (PBS), salah satu inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah. Pada tahun 2011, pelaksanaan Program Bandar Selamat diperluaskan kepada 151 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari 12 PBT di seluruh negara, termasuk Putrajaya dan Labuan

Di bawah langkah Pemetaan GIS Jenayah dan Program Bandar Selamat, Sistem Pemantauan Bandar Selamat bagi 12 PBT hotspots dan 42 balai polis hotspots telah berjaya dibangunkan pada akhir tahun 2010. Sistem Pemantauan Bandar Selamat telah membawa satu transformasi ke atas Sistem Laporan Polis (PRS) PDRM yang telah mengintegrasikan elemen penandaan kejadian jenayah di atas peta atas pelantar Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang mempunyai koordinat.

Sistem ini mulai beroperasi pada 1 Januari 2011 dan dilancarkan pada 5 April 2011 oleh YB Dato' Wira Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama YB Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri di Hotel InterContinental, Kuala Lumpur. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Y.Bhg. Tan Sri Ismail Bin Omar (Ketua Polis Negara), Y.Bhg. Datuk Ahmad Bin Haji Kabit (Ketua Setiausaha KPKT) dan Y.Bhg. Dato' Mohd Fadzil Bin Haji Mohd Khir (Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia)



Aktiviti



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DELEGASI AFGHANISTAN

Tarikh	: 27 Mei 2011 (Jumaat)
Pengerusi	: YBhg. Datuk Yeo Heng Hau, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)
Bahagian terlibat	: Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek, Unit Komunikasi Korporat
Ketua delegasi	: Ahmed Javedd Jalali s/o Abdul Rahim Jalali Director General, Budget Division, Ministry of Finance Afghanistan
Jumlah delegasi	: 32 orang
Objektif lawatan	: Delegasi ini dalam proses mengumpul maklumat mengenai perancangan dan bajet pembangunan negara lain bagi merumuskan mekanisme terbaik bagi melaksanakan strategi nasional dan mempertingkatkan sistem tadbir urus negara. Secara khusus, delegasi ingin mengetahui mengenai peranan dan fungsi KPKT, pendekatan dan strategi yang digunakan untuk melaksanakan program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia, strategi penyelarasan dengan lain-lain agensi bagi penyediaan perkhidmatan dan cabaran utama yang dihadapi oleh KPKT dalam melaksanakan strategi tersebut.

LAWATAN KERJA DELEGASI KEMENTERIAN DALAM NEGERI VIETNAM

Tarikh	: 1 April 2011 (Jumaat)
Pengerusi	: Encik Tan Lai Seng, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan terlibat	: Jabatan Kerajaan Tempatan
Ketua delegasi	: TYT Tran Huu Thang Vice Minister Of Ministry Of Internal Affairs
Jumlah delegasi	: 11 orang
Objektif lawatan	: Mempelajari dengan lebih lanjut mengenai persempadanan kawasan, pentadbiran kawasan baru (wilayah, daerah dan mukim), pembesaran dan pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur dan bidang kuasa kerajaan tempatan.

LAWATAN AHLI DEWAN PERWAKILAN DAERAH (DPD) (REGIONAL REPRESENTATIVES COUNCIL/Parliament) REPUBLIK INDONESIA

Tarikh	: 26 Mei 2011 (Khamis)
Pengerusi	: YBhg. Datuk Arpah bt Abdul Razak, KP/JKT
Jabatan terlibat	: Jabatan Kerajaan Tempatan
Ketua delegasi	: TYT Amang Syafrudin Ahli Dewan Perwakilan Daerah Provisinsi Jawa Barat
Jumlah delegasi	: 10 orang
Objektif lawatan	: Delegasi ini dalam proses menjalankan kajian bagi menyiapkan Rencana Undang-Undang Desa (Bill of Village). Mereka ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai perkembangan kampung di Malaysia dan bagaimana sektor perkampungan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan pembangunan negara.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA ANGGOTA/AHLI DEWAN PERWAKILAN DAERAH/DPD (REGIONAL REPRESENTATIVES COUNCIL/Parliament) REPUBLIK INDONESIA KE KPKT

Pada 26 Mei 2011, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah menerima kunjungan hormat daripada Anggota/Ahli Dewan Perwakilan Daerah/DPD (Regional Representatives Council/Parliament) Republik Indonesia yang bertujuan untuk berkongsi pandangan berkenaan skim pembangunan kampung di Malaysia dan bagaimana pembangunan kampung telah memainkan peranan penting dalam pertumbuhan negara Malaysia. Sehubungan dengan itu, satu sesi taklimat telah diadakan kepada delegasi berkenaan yang disampaikan oleh Y.Bhg. Datuk Arpah Binti Abdul Razak, Ketua Pengarah JKT di Bilik Mesyuarat Gerakan 1, Aras 7, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pusat Bandar Damansara. Sesi taklimat tersebut juga turut dihadiri oleh pengarah-pengarah bahagian JKT. Antara perkara yang disampaikan dalam sesi taklimat tersebut adalah berkenaan Sistem Pentadbiran PBT, projek-projek pembangunan di kawasan PBT termasuklah di Kampung Tradisional, dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan dalam menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan di PBT.

LAWATAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERJA RAYA BANGLADESH

Tarikh	: 28 Mei 2011 (Sabtu)
Pengerusi	: YBhg. Datuk Yeo Heng Hau, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)
Jabatan terlibat	: Jabatan Perumahan Negara
Ketua delegasi	: TYT Abdul Mannan Khan State Minister for Housing and Public Works of Bangladesh
Jumlah delegasi	: 4 orang
Objektif lawatan	: Lawatan ini adalah untuk mempelajari dan memahami konsep pembangunan perumahan, khususnya pembangunan bandar satelit di Malaysia untuk dicontohi dan dilaksanakan di Bangladesh.

Selain taklimat yang disampaikan, Menteri Perumahan dan Kerja Raya Bangladesh turut melawat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Alam, Jalan Lapangan Terbang Lama, Kuala Lumpur untuk melihat sendiri projek yang dibangunkan oleh KPKT bagi rakyat berpendapatan rendah.



INSINERATOR PULAU LANGKAWI KEDAH DIJANGKA DAPAT MENAMPUNG 100 TAN SAMPAH SEHARI


Pada 26 Mei 2011, YB Dato' Wira Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melawat loji Incinerator Pulau Langkawi, Kedah. Turut sama dalam lawatan tersebut ialah YBhg. Datuk Ahmad Haji Kabit, Ketua Setiausaha KPKT.

Loji yang terletak di dalam tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada di Belanga Pecah, Langkawi, Kedah (kira-kira 16Km dari Lapangan Terbang Pulau Langkawi) mempunyai keluasan keseluruhan tapak adalah 30 hektar, bagaimanapun hanya kira-kira 2.68 hektar daripada keluasan tersebut digunakan untuk tujuan pembinaan loji Incinerator, manakala selebihnya digunakan bagi tujuan pelupusan sisa pepejal harian dan ada sebahagiannya masih belum digunakan (kawasan paya bakau).

Projek pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi Kedah ini telah bermula pada 18 Mac 2008 (tarikh serahan tapak kepada kontraktor) dan telah pun mendapat kelulusan DEIA daripada Jabatan Alam Sekitar pada 24 Februari 2009. Projek ini masih belum dapat diserahkan kepada Kementerian kerana sesi ujian dan pentauliahian masih belum selesai.

Pembinaan Loji Incinerator yang akan beroperasi tidak lama lagi dijangka dapat menampung 100 tan sampah sehari di

BILANGAN SASARAN DAN PENCAPAIAN BAGI LAWATAN TURUN PADANG (LTP) YBM DAN KSU DARI APRIL 2011 SEHINGGA JUN 2011



kepulauan itu. Loji ini dilengkapi dengan kemudahan penerimaan sisa pepejal (waste reception facility), kemudahan pengasingan sisa pepejal (Waste Separation Facility), kemudahan rawatan termal (Thermal Treatment Facility), kemudahan penjanaan tenaga elektrik (Energy Recovery Facility), kemudahan kawalan pencemaran udara (Air Pollution Control Facility), kemudahan rawatan air kumbahan (Wastewater Treatment Plant) dan sistem kawalan loji (Plant Control System).

Semasa loji ini beroperasi, hanya satu line (line A) akan beroperasi, manakala satu line lagi (line B) akan berada di dalam keadaan standby dan bersedia beroperasi sekiranya line A gagal berfungsi ataupun perlu menjalani proses penyelenggaraan. Setiap satu line mampu memproses 100 tan sisa pepejal sehari. Selain itu, loji ini juga dilengkapi dengan sistem Continuous Emission Monitoring Systems (CEMS) di mana pihak Jabatan Alam Sekitar boleh memantau kualiti pelepasan gas ke udara oleh loji ini secara online dan terus menerus.

Jumlah keseluruhan projek-projek kemudahan pengurusan sisa pepejal yang diuruskan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara adalah sebanyak 5 projek, iaitu satu projek pembinaan loji insinerator dan 4 projek menaiktaraf tapak pelupusan sedia ada. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- Projek pembinaan loji insinerator:
- Loji insinerator Pulau Langkawi, Kedah
 - Projek menaiktaraf tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada
 - Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Jabi, Alor Setar, Kedah
 - Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Padang Cina, Kulim, Kedah.
 - Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Kg. Belanga Pecah, Langkawi, Kedah.
 - Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Semeling, Sungai Petani, Kedah.



LAWATAN TURUN PADANG YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE TAPAK PROJEK PERUMAHAN TAMAN PUTRA INDAH, IPOH

YB Dato' Wira Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuat lawatan tapak kali pertama bagi projek perumahan Taman Putra Indah, Ipoh pada 9 Jun 2011 hasil susulan Aduan Rakyat yang disiarkan di TV3.

Taman Putra Indah merupakan projek perumahan yang terletak di Bercham, Ipoh, Perak dan diusahakan oleh pemaju Syarikat Johan (M) Sdn. Bhd.

Isu yang timbul bagi projek perumahan ini ialah lewat siap selama 6 tahun dari tahun 2005 projek tersebut dilesenkan. Projek perumahan ini terdiri daripada 2 fasa iaitu bagi fasa 1 terdapat Rumah Teres 1 tingkat berjumlah 98 unit yang telah siap sepenuhnya dan menunggu lawatan pemeriksaan daripada Majlis Bandaraya Ipoh untuk pengeluaran Sijil Layak Menduduki (CFO) semasa lawatan diadakan. Manakala bagi fasa 2 pula terdapat Rumah Teres 1 tingkat yang berjumlah 62 unit. Namun, kerja-kerja di tapak telah dijalankan semula di mana kerja-kerja pemasangan rangka bumbung sedang giat dijalankan di bahagian baris pertama dan bahagian kedua bangunan tersebut.

Beberapa lawatan pemantauan dan juga mesyuarat secara berkala telah diadakan bagi mengatasi masalah yang berbangkit. Faktor utama yang menyebabkan kelewatan untuk menyiapkan projek tersebut adalah disebabkan oleh masalah kewangan dan masalah dalaman atau pengurusan pemaju.

Hasil lawatan YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke tapak projek, Jabatan Perumahan Negara menjangkakan Sijil Layak Menduduki (CFO) bagi fasa 1 (98 unit) dapat dikeluarkan pada penghujung Jun 2011 tertakluk kepada pematuhan pemeriksaan yang dilakukan oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

TAMAN AWAM BERSKALA BESAR BUKIT KIARA 'JEWEL IN THE CITY' BERKONSEPKAN PARK DAN ARBORETUM

Taman Lembah Kiara, Taman Arboretum dan kawasan sekitar Bukit Kiara akan dijadikan Taman Awam Berskala Besar selaras dengan hasrat Kerajaan melalui inisiatif 49 Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMK10) di mana penekanan terhadap keperluan kepada persekitaran bandar yang selesa untuk didiami.



Dalam sesi lawatan kerja yang diadakan pada 2 Ogos 2011, YB Datuk Wira Chor, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan diiringi oleh Y. Bhg. Datuk Ahmad Haji Kabit, Ketua Setiausaha Kementerian diberikan taklimat berkaitan pembangunan dan konsep Taman Awam Berskala Besar yang berkeluasan 466.86 ekar.

Menurut YB Datuk Wira, "Matlamat pembangunan adalah untuk menjadikan Bukit Kiara sebuah taman rekreasi awam berskala besar yang mampu menampung keperluan riadah pelbagai lapisan masyarakat dengan mengekalkan ciri-ciri semula jadi, justeru itu bagi mengekalkan keadaan fizikal tapak serta aktiviti semasa, pengekalan ciri semula jadi tapak diutamakan dengan penekanan terhadap tiga elemen utama iaitu Air, Hutan dan Manusia. Konsep Park dan Arboretum merupakan sebuah konsep yang akan diperkenalkan bagi pembangunan Taman Persekutuan ini".

Taman yang diurus dan dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan diterajui oleh Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan akan

mempunyai enam zon pembangunan iaitu:

- i) Zon pentadbiran dan Garden Centre
- ii) Zon rekreasi Keluarga
- iii) Zon Taman Arboretum Tropika Khatulistiwa
- iv) Zon Arboretum Bernilai Tinggi
- v) Zon Riparian dan Konservasi Hidrologi dan
- vi) Zon Biodiversiti *.

Keperluan kawasan hijau di bandar sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) di mana nisbah kawasan lapang bagi setiap 1,000 orang penduduk adalah seluas 2 hektar (4.942 ekar). Berdasarkan populasi semasa penduduk perbandaran di Semenanjung Malaysia, sebanyak 29,751.15 hektar tanah lapang diperlukan bagi menampung keperluan tanah lapang dan rekreasi perbandaran.

Sehingga akhir 2009, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa melaporkan bahawa 19,386.69 hektar tanah lapang awam telah direkodkan di seluruh Semenanjung Malaysia. Dari jumlah tersebut 9,180.31 hektar (47.35%) tanah lapang awam telah diwartakan. Manakala berdasarkan rekod

Direktori Taman Awam yang dikumpulkan oleh Jabatan Landskap Negara sehingga kini terdapat seluas 4,102.25 hektar (10,136.87 ekar) kawasan lapang yang telah dibangunkan sebagai taman awam di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang merangkumi sebanyak 777 lot taman awam.

Menurut YB Datuk Chor lagi, "Pembangunan fizikal Taman Persekutuan – TABB Bukit Kiara memerlukan tempoh masa sekurang-kurangnya 25 tahun untuk disempurnakan. Tempoh masa yang panjang diperlukan kerana kaedah pembangunan dilaksanakan secara berfasa bersesuaian dengan pendekatan reka bentuk 'design with nature' yang perlu berhati-hati terhadap sensitiviti alam sekitar tapak dan sensitiviti pengguna taman yang mahu tapak dikekalkan tidak terganggu dengan kerja-kerja pembangunan yang drastik. Terdapat 3 fasa pembangunan taman yang telah dikenal pasti di mana setiap fasa akan mengambil tempoh masa di antara 5 hingga 10 tahun untuk dilaksanakan. Sepanjang tempoh pelaksanaan tersebut sebanyak RM250 juta diperlukan bagi membangunkan taman ini secara berperingkat".



JADUAL FASA PELAKSANAAN

1. Jangkamasa Pendek

Fasa jangkamasa pendek - 1 hingga 5 tahun. Pelaksanaan fasa pertama bermula dalam RMKe10.

2. Jangkamasa Sederhana

Fasa jangkamasa sederhana - 5 hingga 10 tahun bermula dari Rolling Plan ketiga RMKe10.

3. Jangkamasa Panjang

Fasa jangkamasa panjang - 10 hingga 15 tahun.

Rancangan Malaysia Ke 10.

Rancangan Malaysia Ke 10 dan Ke 11.

Rancangan Malaysia Ke 12 hingga Ke 14.

Nota Kaki: Zon Pembangunan

a) Zon Pentadbiran dan 'Garden Centre'

Zon Pentadbiran dan 'Garden Centre' merupakan kawasan pejabat pentadbiran dan pengurusan taman. Ia juga dilengkapi dengan bangunan koleksi herbarium, bilik latihan, pameran dan persidangan, Display Garden, Kawasan lot-lot Garden Retail Centre, kawasan tempat letak kenderaan berpusat, Stesen tram & buggy sebagai kemudahan tambahan yang disediakan bagi pembangunan akan datang serta lain-lain kemudahan kepada pengguna. Zon ini juga menyediakan kawasan muzium hidup bagi pelbagai spesies pokok getah. Koleksi spesies getah akan ditanam di dalam reka bentuk taman bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan terbuka.

b) Zon Rekreasi Keluarga

Pembangunan di kawasan ini hanya akan melibatkan kerja-kerja naik taraf menyeluruh kawasan Taman Lembah Kiara dengan penyediaan kemudahan rekreasi yang lebih komprehensif dan selesa. Kemudahan rekreasi yang bakal disediakan akan memenuhi keperluan semua golongan pengguna taman dengan komponen rekreasi menggunakan pendekatan teknologi terkini. Kemudahan-kemudahan ini akan dapat menampung keperluan pengguna yang makin bertambah.

c) Zon Taman Arboretum Tropika Khatulistiwa

Zon Taman Arboretum Tropika Khatulistiwa yang akan ditanam dengan koleksi tumbuhan atau pokok yang terdapat di Hutan Hujan Khatulistiwa. Koleksi hutan berkayu yang akan ditanam di kawasan ini adalah dari jenis yang terdapat di kawasan garisan lintang 3 darjah ke utara dan selatan garis khatulistiwa. Pembangunan zon ini adalah untuk memperkayakan semula taman dengan pokok-pokok hutan berkayu daripada spesies Hutan Hujan Khatulistiwa. Koleksi utama ialah Hutan Hujan Tropika Asia Pasifik. Di samping itu, terdapat juga koleksi Zon Arboretum Hutan Hujan Tropika Afrika dan Zon Arboretum Hutan Hujan Tropika Amerika Selatan.

d) Zon Arboretum Bernilai Tinggi

Zon ini berkeluasan 50 ekar merupakan kawasan arboretum yang diwujudkan dengan penanaman spesies pokok hutan yang bernilai tinggi yang boleh menjana pendapatan. Pokok-pokok dan tumbuhan yang menghasilkan produk yang mempunyai nilai tinggi bagi tujuan perubatan, komersil dan lain-lain akan ditanam di sini.

e) Zon Riparian dan Konservasi Hidrologi

Zon pembangunan atau pemeliharaan Zon Riparian / Konservasi Hidrologi terletak di dalam kawasan Taman Arboretum di mana ianya merupakan kawasan lembangan anak Sungai Penchala. Pembangunan di kawasan ini akan mengambil pendekatan pemeliharaan alam melalui proses memperkayakan ekosistem. Penjagaan dan kawalan punca air akan dibuat bagi memastikan kualiti air terjamin.



f) Zon Biodiversiti

Zon ini merupakan kawasan pemulihan semula hutan melalui pendekatan ekosistem semula jadi dengan mengambil model Hutan Simpan di sekitar Hulu Langat. Di kawasan ini pelawat dapat mempelajari proses restorasi dan evolusi ekosistem hutan tropika di dalam kawasan perbandaran. Pokok-pokok akan ditanam mengikut komposisi dan hirarki seperti keadaannya secara semula jadi. Kaedah ini adalah satu proses restorasi hutan bagi tujuan penyelidikan dan pembelajaran



TAKLIMAT MENGENAI DASAR BARU KERAJAAN KEPADA WARGA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Taklimat Mengenai Dasar-Dasar Baru Kerajaan Kepada Warga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diadakan pada 26 April 2011 di Dewan Terbuka DRB, Pusat Bandar Damansara. Taklimat ini yang dianjurkan oleh Bahagian Dasar KPKT bertujuan untuk memberi pendedahan, pengetahuan asas dan pemahaman berkaitan dasar-dasar terkini Kerajaan kepada warga KPKT.

Taklimat tersebut meliputi beberapa topik mengenai dasar-dasar baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Dasar Perumahan Negara. Taklimat tersebut telah mendapat sambutan yang baik di mana hampir 200 orang pegawai dan kakitangan KPKT dan agensi-agensi di bawahnya telah

menghadiri sesi taklimat tersebut. Taklimat ini penting dilaksanakan bagi memberi pengetahuan mengenai aspirasi Kerajaan kepada penjawat awam yang menjadi faktor penentu ke arah merealisasikan aspirasi mengangkat status Malaysia kepada negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.



BENGKEL PEMAHAMAN AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951 (PINDAAN) 2011

Bengkel Pemahaman Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 anjuran Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pajak Gadai (BPWG), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah berlangsung dengan jayanya selama tiga (3) hari pada 15 hingga 17 Jun 2011 bertempat di Sri Intan Resort (TM Resort) Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 19 orang peserta yang terdiri daripada pegawai daripada BPWG KPKT termasuk cawangan Sabah dan Sarawak, wakil daripada Jabatan Ketua Menteri Sarawak, wakil daripada Kementerian Kewangan Sabah dan wakil daripada Perbadanan Labuan. Bengkel ini dianjurkan selaras dengan pindaan pada Akta tersebut yang telah pun diluluskan oleh Parlimen pada 21 Disember 2010 dan berkuatkuasa mulai 15 April 2011.

Tujuan bengkel ini dianjurkan adalah seperti berikut :-

- mementapkan pemahaman kepada Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400);
- Pengenalan dan pendedahan kepada pindaan Akta 400; dan
- meningkatkan kerjasama dan persefahaman serta bertukar-tukar pengalaman dan pandangan antara agensi pusat dan negeri

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Tuan Hj. Zulkepli bin Said, Timbalan Setiausaha Bahagian, Seksyen Penguatkuasaan BPWG. Penceramah adalah terdiri daripada pegawai-pegawai daripda KPKT iaitu Encik Jong Kai Loon (Penasihat Undang-undang, KPKT), Encik Kalaichelvan a/l Balakrishnan (Timbalan Setiausaha Bahagian – Seksyen Dasar dan Pelesenan), Tuan Superitendan Abdul Ghani bin Ahmad (Ketua Unit Siasatan, BPWG), Tuan ASP Zakaria bin Alias (Unit Siasatan BPWG) dan Tuan Cif Inspektor Noor Azizul Rahim bin Taharim (Unit Siasatan BPWG). Bengkel ini melibatkan lima (5) slot seperti berikut :-

- Penerangan Prosedur Pelesenan dan Pengiklanan Pemberi Pinjam Wang;
- Pemahaman Terhadap Akta 400 (Pindaan) 2011;
- Prosedur Aduan dan Siasatan;
- Serbuan dan Penggeledahan; dan
- Pembuktian dan Pendakwaan Di Bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011

HARI TANPA PLASTIK



Pada ketika ini, 28 juta penduduk Malaysia menghasilkan lebih kurang 22,000 tan metric sampah setiap hari dan angka ini dijangka akan meningkat kepada 30,000 tan metric sehari menjelang tahun 2020. Perkara ini dilihat bakal memberi impak yang sangat besar kepada pengurusan sisa pepejal di Malaysia. Adakah masalah ini akan terus menyelubungi negara kita walaupun pada ketika itu Malaysia telah mencapai Wawasan 2020? Adakah negara Malaysia hanya canggih dari segi pembangunan dan teknologi tetapi mundur dari segi kesedaran terhadap pengurusan sisa pepejal dan penjagaan alam sekitar?

Seperti yang kita ketahui, plastik adalah bahan yang tidak mudah dilupuskan dimana ia mengambil masa berpuluh-puluh atau ratusan tahun untuk dilupuskan. Oleh itu, lebih baik penggunaannya dioptimumkan daripada membiarkannya terus menjadi sisa yang akan dibawa ke tapak pelupusan. Sehubungan dengan isu penjanaan sisa pepejal di Malaysia yang dianggarkan sebanyak 19,000 tan setiap tahun, 24% daripada penjanaan tersebut adalah sisa plastik. Salah satu cara yang telah dijalankan pada masa kini adalah melalui pelaksanaan Kempen Hari Tanpa Plastik.

Kempen Hari Tanpa Plastik ini wajar dilaksanakan dan keberkesannya ke arah mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang lestari adalah suatu matlamat yang tidak mustahil untuk dicapai. Walaubagaimanapun, usaha itu tidak akan membuahkan hasil yang baik sekiranya orang ramai tidak menjalankan tanggungjawab untuk tidak membuang beg plastik di merata tempat dan mengurangkan penggunaan beg plastik disediakan di kedai dan pasar raya. Selain itu juga, kempen ini seharusnya dijalankan di semua premis atau kawasan dimana tidaklah hanya tertakluk kepada kawasan pasaraya sahaja tetapi ia seharusnya diamalkan di semua tempat seperti sekolah, pejabat, kilang, masjid dan sebagainya. Sehubungan dengan itu juga, adalah lebih baik kiranya kempen ini turut disuntik dengan aspek pendidikan khasnya kepada golongan kanak-kanak memandangkan mereka akan menjadi pelapis

dan perintis untuk pembangunan negara yang lebih mapan pada masa akan datang.

Pendidikan mengenai pengurusan sisa pepejal kepada golongan kanak-kanak ataupun secara amnya para pelajar di peringkat sekolah perlu ditingkatkan. Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) boleh mewujudkan satu subjek khas mengenai pengurusan sisa pepejal sebagai mata pelajaran yang wajib diajar dan dipelajari di sekolah. Melalui mata pelajaran itu, subjek mengenai konsep 3R (reduce, reuse and recycle), pengasingan sisa di sumber, pengkomposan dan sebagainya juga boleh diterapkan. Pihak pengurusan sekolah juga harus mewujudkan amalan kitar semula dan amalan mengurangkan penggunaan plastik. Sebagai contoh, mewujudkan pusat kitar semula atau bank kitar semula di dalam kawasan sekolah dan melantik kontraktor.

Selain itu, bagi mengurangkan kadar penggunaan plastik di sekolah, pihak kantin harus meningkatkan penggunaan beg kertas dan pihak sekolah boleh mengenakan denda sekiranya mendapati terdapat penggunaan beg plastik di dalam kawasan sekolah. Penwujudan tong-tong kitar semula harus ditambah bagi menggalakkan dan memupuk amalan kitar



semula dan ia juga tidak akan memberi sebarang ruang untuk dijadikan alasan kepada masalah sukar untuk mengamalkan aktiviti tersebut. Pihak sekolah juga boleh membentuk suatu jawatankuasa khas bagi memantau kelancaran aktiviti tersebut. Di samping itu juga, jawatankuasa tersebut boleh mengaturkan aktiviti-aktiviti khas bagi memupuk amalan kitar semula dan secara tidak langsung boleh mengurangkan penjanaan plastik ke tapak pelupusan. Di antara aktiviti-aktiviti yang dicadangkan adalah seperti membuat kraftangan daripada sisa plastik seperti botol minuman, straw dan lain-lain, mengadakan pertandingan mengumpul sisa plastik terbanyak dan sebagainya.

Kempen Hari Tanpa Plastik juga seharusnya dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab yang memainkan peranan yang agak besar juga iaitu pihak



kilang atau perindustrian dimana menurut sumber daripada Malaysian Industrial Development Authority (MIDA), jumlah pengusaha kilang pengeluaran plastik yang beroperasi di Malaysia adalah sebanyak 293 buah kilang. Oleh itu, tanggungjawab di dalam menguruskan sisa plastik juga adalah penting digalas oleh pihak mereka bagi menjamin pengurangan pelupusan sisa plastik ke tapak pelupusan. Di antara langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak mereka adalah seperti mempertingkatkan amalan kitar semula dan pengasingan sisa di sumber.


Elemen penguatkuasaan juga memainkan peranan yang sangat penting di dalam memastikan Kempen Hari Tanpa Plastik ini mencapai matlamatnya. Secara majoritinya, masyarakat Malaysia masih lagi menganggap isu dan masalah sisa atau sampah ini adalah perkara atau isu yang biasa atau lebih senang diinterpretasikan sebagai isu lapuk. Ini adalah kerana, walaupun terdapat beberapa peraturan dan undang-undang yang telah dikuatkuasakan pada peringkat negeri sebagai contohnya Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (MPSJ) 2007, masih ada segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab dan prihatin yang membuang sampah merata-rata dan lebih teruk lagi hal ini mengundang wujudnya masalah lain seperti tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Oleh itu, selaras dengan penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672), elemen penguatkuasaan perlu lebih tegas dan diperketatkan. Menurut akta tersebut, terdapat peruntukan tertentu untuk menangani masalah beg plastik seperti memastikan isi rumah dan pihak berkaitan mengasingkan sisa pepejal yang boleh dikitar semula daripada sisa pepejal lain. Di samping itu, peruntukan seperti sistem terima balik dan sistem bayaran balik deposit yang terkandung di dalam akta tersebut boleh digunakan pada masa akan datang untuk menangani isu beg plastik. Beberapa peruntukan di bawah Akta 672 untuk pelbagai kesalahan berkaitan dengan aspek pengurusan sisa pepejal, juga akan menjadikan masyarakat lebih berhati-hati untuk menggunakan bahan berunsurkan plastik.

Sebenarnya, terdapat peruntukan mewajibkan orang awam mengasingkan sisa pepejal. Sebagai contoh mengikut perenggan 101(1)(a), Menteri menghendaki mana-mana penghasil sisa pepejal mengurangkan penghasilan pepejal terkawal mengikut apa-apa cara atau kaedah. Mereka yang gagal mematuhi peraturan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara maksimum enam bulan atau kedua-duanya.

Kita perlu menjadikan negara-negara yang maju dari segi penguatkuasaan dalam pengurusan sisa pepejal sebagai contoh seperti Singapura, Jepun, China dan sebagainya. Melalui elemen penguatkuasaan inilah yang akan membantu Kempen Hari Tanpa Plastik ini mencapai tahap keberkesanan yang tinggi.

Carta : Anggaran Komposisi Sisa Pepejal di Malaysia (Sumber : RMK-9)



ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT) 2010

Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) diperkenalkan oleh pihak MAMPU pada tahun 2010 bagi menggantikan Anugerah Kualiti Sektor Awam (AKSA) bagi mengiktiraf penghasilan inovasi dalam empat bidang pengurusan utama iaitu Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Pengurusan Kewangan, Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan, dan Pengurusan Pentadbiran Daerah dan Tanah.



Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2010 diurusetikan oleh Bahagian Korporat, KPKT. Sebanyak 16 PBT dicalonkan untuk anugerah ini berdasarkan 2 kriteria utama iaitu Kriteria penilaian SSR-PBT dan Kriteria Penilaian AIPBT. Lawatan Panel Penilai ke semua PBT telah diadakan pada 18 Januari sehingga 25 Februari 2011.

Objektif AIPBT adalah:

- Untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada PBT;
- Untuk menggalakkan budaya inovasi di kalangan PBT;
- Untuk mewujudkan satu platform bagi penambahbaikan di antara PBT-PBT; dan
- Untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan PBT.

Panel penilai yang terlibat semasa AIPBT 2010 terdiri daripada :

- YBhg. Datuk Ahmad Bin Haji Kabit -Ketua Setiausaha KPKT merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk AIPBT 2010
- YBhg. Datuk Yeo Heng Hau -Timbalan Ketua Setiausaha(Dasar dan Pembangunan) KPKT
- YBhg. Datuk Arpah Binti Abdul Razak - Ketua Pengarah, Jabatan Kerajaan Tempatan
- YBhg. Datin Maziah Binti Adnan - Setiausaha Bahagian Inspektorat KPKT
- Puan Fatmah Binti Illadad Khan - Setiausaha Bahagian Korporat KPKT
- YBhg. Dato' Jamry Bin Sury - Pengarah, Bahagian Dasar dan Kemajuan
- Encik Ismail Bin Mokhtar - Pengarah, Unit Korporat, Jabatan Kerajaan Tempatan
- Encik Ali Azhar Bin Ismail - Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Korporat KPKT



YBhg. Datuk KSU telah memperakukan calon pemenang semasa Mesyuarat Jawatankuasa Induk AIPBT 2010 yang diadakan pada 4 Mac 2011 sebelum keputusan diangkat di dalam Mesyuarat Panel Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan (Panel 3P) pada 15 Jun 2011 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KSN

Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam telah diadakan pada 28 Julai 2011 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) bagi memberi pengiktirafan kepada agensi-agensi yang dinobatkan sebagai penerima anugerah dalam empat bidang pengurusan Sektor Awam. Anugerah-anugerah tersebut disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN)

AIPBT 2010 telah dimenangi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan ganjaran wang tunai sebanyak RM300,000.00, piala iringan serta sijil.



PROGRAM KITAR SEMULA BERSAMA PENDUDUK DI ASAJAYA, SARAWAK

Program Kitar Semula bersama penduduk di Asajaya, Kota Samarahan, Sarawak telah diadakan pada 3 April 2011

Program tersebut telah dilancarkan oleh Y.B Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan Serbaguna Masyarakat Kampung Sambir, Asajaya. Program Kitar Semula tersebut juga turut diserikan dengan kehadiran ADUN kawasan Asajaya, YB Abdul Karim bin Hamzah, Pegawai Daerah, Pengerusi JKKK dan telah disertai oleh lebih kurang 150 orang penduduk dari pelbagai

peringkat umur dari kawasan sekitar.

Acara program dimulakan pada jam 10.00 pagi dengan ketibaan Y.B Timbalan Menteri di mana beliau telah disambut dengan paluan kompang. Satu pameran mengenai teknik pengkomposan "Takakura" oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) negeri Pulau Pinang turut diadakan selain edaran risalah mengenai kitar semula dan beg kitar semula kepada para tetamu dan jemputan. Program tamat pada jam 12.00 tengahari.

KARNIVAL SUKAN PPSPPA

4 Jun 2011 - Karnival Sukan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah berlangsung dengan meriahnya di Pusat Sukan Universiti Putra Malaysia, Serdang. Acara ini telah bermula seawal pukul 7.00 pagi dengan senamrobik diikuti dengan perlawanan Bola Sepak Persahabatan Veteran yang melibatkan dua pasukan iaitu dari Bahagian Teknikal dan Bahagian Pengurusan. Kemenangan telah memihak kepada pihak Bahagian Teknikal dengan jaringan dua (2) gol berbalas kosong (0).

Selepas daripada itu, beberapa acara sukan telah dipertandingkan pada hari tersebut seperti Pertandingan Bola Sepak Padang Sembilan Sebelah, Futsal Wanita, dan Badminton. Setiap pertandingan perlawanan telah diwakili oleh pejabat negeri Perbadanan masing-masing dan acara ini berakhir pada jam 4 petang. Karnival sukan Perbadanan sedikit sebanyak telah dapat memupuk sikap aktif dan semangat berpasukan di kalangan warga kerja Perbadanan. Selain daripada itu, ia juga telah dapat mencungkil bakat beberapa anggota yang boleh diketengahkan untuk mengharumkan nama Perbadanan dalam Festival Sukan Badan Berkanun pada masa akan datang.



SUKNA XV 2011

Sukan Nasional Jabatan Perancang Bandar dan Desa kali ke-15 (SUKNA XV 2011) telah diadakan pada 9 hingga 12 Jun 2011 bertempat di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS) Jitra, Kedah. SUKNA XV 2011 telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Ahmad Bin Haji Kabit, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Acara sukan yang dipertandingkan pada temasya tersebut ialah Badminton, Bola Jaring, Bola Sepak, Bola Tampar, Sepak Takraw, Futsal, Ping Pong, Dart, Tarik Tali, Karom dan Tenpin Bowling.

Penutupan SUKNA XV 2011 telah diadakan pada sebelah malam 12 Jun 2011 yang disempurnakan oleh YB Dato' Wira Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kontinjen Zon Tengah telah diumumkan sebagai Johan Keseluruhan SUKNA XV 2011. Olahragawan SUKNA XV 2011 telah dinobatkan kepada En. Mawardi Bin Said dari Zon Utara dan Pn. Wardiyah Binti Senik @ Abdul Mokhti dari Zon Tengah sebagai olahragawati.



Berita Tempatan

MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS ANGSA NA BANDAR, KUALA NERANG, KEDAH

Y.B. Dato' Wira Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Kompleks Angsana Bandar Kuala Nerang, Majlis Daerah Padang Terap, Kedah pada 2 Julai 2011. Terminal bas dan teksi serta arked perniagaan dua dan tiga tingkat di bandar Kuala Nerang ini telah dinaiktaraf dengan kos berjumlah RM 1,537,018.00. Penaiktarafan ini turut meliputi 48 unit lot kedai, 8 unit gerai makan, 4 unit kaunter tiket bas, ruang terbuka bagi tempat meletak bas dan teksi dan penurapan semula premis di sekitar kawasan terminal.

YB Menteri turut melawat ke projek untuk membina laluan pejalan kaki di sekitar Pekan Kuala Nerang. Komponen kerja projek ini adalah membekal dan memadat tanah laterite, membina concrete imprint setebal 125 mm seluas 850m padu, membina dua (2) unit jambatan konkrit selebar 2mx 3m dan pemasangan enam belas (16) unit lampu jalan. Projek ini diperuntukan sebanyak RM 500,000.00.

Dewan Tunku Putra Kuala Nerang juga telah dinaiktaraf dengan kos RM 1,032, 909.50. Kerja-kerja menaiktaraf ini meliputi kerja-kerja menggantikan bumbung, menaiktaraf lantai bangunan, kerja-kerja pendawaian dan juga menurap semula premis di sekitar bangunan dewan.



MAJLIS PERASMIAN DEWAN SERBAGUNA SERI TANJONG, KOMPLEKS PENTADBIRAN TANJONG MALIM

Majlis Perasmian Dewan Serbaguna Seri Tanjong, Kompleks Pentadbiran Tanjong Malim telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dato' Wira Chor Chee Heung pada 23 Julai 2011 sempena Lawatan Turun Padang YBM. Pembinaan Dewan Serbaguna Seri Tanjong, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Tanjong Malim telah dimulakan pada 12 April 2006 dengan kos sebanyak RM3,770,605.25 dengan peruntukan dari KPKT sebanyak RM3,530,639.10 dan telah siap sepenuhnya mengikut jadual pada 13 Ogos 2009. Dewan Serbaguna Seri Tanjong, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Tanjong Malim dibina bagi menyediakan kemudahan beriadah, bersukan serta aktiviti kemasyarakatan kepada orang awam tidak kira penduduk tempatan atau pengunjung dari luar Pentadbiran Tanjong Malim atau Daerah Batang Padang.

Majlis Perasmian Dewan Serbaguna Kampung Sempam Baru, Raub, Pahang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dato' Wira Chor Chee Heung pada 12 Jun 2011 sempena Lawatan Turun Padang YBM. Dewan yang bernilai RM862,925 tersebut siap pada 7 September 2010 menggunakan peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dewan Serba Guna ini dilengkapi dengan tiga (3) unit gelanggang badminton, tempat letak kenderaan, tandas, bilik mesyuarat serta bilik persalinan. Dewan Serba Guna ini didirikan atas tujuan kemudahan kepada penduduk Raub bagi menjalankan aktiviti-aktiviti riadah terutamanya aktiviti sukan badminton.

MAJLIS PERASMIAN DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG SEMPAM BARU, RAUB, PAHANG



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuka satu lembaran baharu pada pertengahan Julai 2011 dengan perpindahan ke bangunan pejabat baharu ke alamat seperti yang berikut:

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan 51, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya
Talian Telefon : 03 – 8891 5000
Faks : 03 – 8891 5557

Lokasi baharu Kementerian adalah strategik kerana terletak di dalam kawasan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan bebas dari kesesakan jalan raya. Selain itu, kelebihan persekitaran semula jadinya menjadikan bangunan baharu KPKT lebih selesa dan kondusif.

Bil.	Bahagian/Jabatan	Aras	No. Telefon	No. Faks
1.	Unit Komunikasi Korporat	2	03-8891 5556	03-8891 5557
2.	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah	3-4	03-8891 4778	03-8891 3087
3.	Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek	5-9	03-8891 3601	03-8891 3490
4.	Bahagian Inspektorat	10	03-8891 5501	03-8891 3191
5.	Bahagian Sumber Manusia	11-12	03-8891 5223	03-8891 3492
6.	Bahagian Teknologi Maklumat	13	03-8891 5387	03-8891 3181
7.	Bahagian Kewangan dan Perolehan	14	03-8891 5446	03-8891 3180
8.	Bahagian Khidmat Pengurusan	15-16	03-8891 5275	03-8891 3182
9.	Pejabat Timbalan Menteri	17	03-8891 5027	03-8891 5559
10.	Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)	17	03-8891 5035	03-8891 5014
11.	Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)	17	03-8891 5038	03-8891 5015
12.	Pejabat Menteri	18	03-8891 5012	03-8891 5022
13.	Pejabat Ketua Setiausaha	18	03-8891 5023	03-8891 5558
14.	Bahagian Undang – Undang	19	03-8891 5140	03-8891 3195
15.	Unit Audit Dalam	19	03-8891 5152	03-8891 3192
16.	Bahagian Korporat	20	03-8891 5089	03-8891 3088
17.	Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai	22	03-8891 4667	03-8891 3186
18.	Bahagian Dasar	23	03-8891 4602	03-8891 3188
19.	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	24	03-8891 4501	03-8891 3190
20.	Jabatan Kerajaan Tempatan	25-29	03-8891 3001	03-8891 3090
21.	Jabatan Perumahan Negara	30-38	03-8891 4001	03-8891 4088



Dengan perpindahan ini menyaksikan semua bahagian khidmat sokongan KPKT, Jabatan Perumahan Negara (JPN), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) ditempatkan di bawah satu bumbung. Perpindahan KPKT ke pejabat baharu ini adalah sejajar dengan keperluan dan tuntutan semasa memandangkan bangunan lama KPKT di Pusat Bandar Damansara sudah tidak dapat menampung populasi warga KPKT dan keadaan bangunan yang agak uzur.

Perpindahan yang dilakukan secara berperingkat mulai 18 Julai 2011 telah mengambil masa lebih kurang sebulan dan KPKT beroperasi sepenuhnya di bangunan baharu pada 1 September 2011. Berikut merupakan panduan direktori KPKT di bangunan baharu:

Rentetan daripada perpindahan ini, pihak Kementerian akan mewujudkan Kaunter Setempat KPKT bagi semua urusan kaunter bahagian/jabatan di bawah KPKT yang melibatkan para pelanggan KPKT. Kaunter setempat ini mempunyai 14 kaunter perkhidmatan yang dilengkapi dengan Queue Management System (QMS), Sistem e-Rating Customer Feedback bilik rundingcara, bilik perbincangan, tandas OKU dan surau dijangka akan mula beroperasi pada awal Oktober 2011. Tujuan diwujudkan kaunter setempat ini adalah untuk memudahkan dan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan KPKT semasa berurusan.



Pelaksanaan program ini adalah bertujuan bagi memperingati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh Anggota Bomba di seluruh dunia, khususnya kepada Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pasukan Bomba Bantuan, Pasukan Keselamatan Kebakaran (PKK), Pasukan Bomba Sukarela (PBS), Briged Bomba dan agensi-agensi kebombaan dan penyelamatan agensi kerajaan serta pihak swasta. Ia juga bertujuan bagi mewujudkan kerjasama dan meningkatkan hubungan Interpersonal di antara JBPM dengan pasukan atau agensi yang terlibat serta masyarakat.


Selain daripada itu pendedahan dan pengenalan kepada masyarakat berhubung peranan dan fungsi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta agensi-agensi penyelamat dan sokongan yang lain turut diadakan melalui perbarisan bersempena program tersebut.

Sambutan Hari Anggota Bomba 2011 telah dirasmikan oleh Y.B Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir Y.Bhg Datuk Ahmad bin Hj. Kabit, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS TKP (Operasi), YAS TKP (Pembangunan), Penolong-penolong Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah Bomba Negeri, Dif-dif jemputan, pegawai kanan jabatan serta masyarakat setempat.

Perbarisan kali ini turut melibatkan agensi-agensi kebombaan dan penyelamat daripada agensi kerajaan dan swasta iaitu daripada



Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Pasukan Penyelamat DBKL, Malaysia Airport, Bomba Pelabuhan Kelang, Bomba Shell, Pasukan Bomba Sukarela daripada KPKT, LHDN, KTMB, Bukit Bintang, Kepong & Batu, KRT Serdang, Pasukan Keselamatan Kebakaran serta Kontingen Kadet Bomba Sekolah dan Pasukan Briged Bomba IPT. Keseluruhan penyertaan perbarisan adalah seramai 1,210 orang yang turut melibatkan pameran-pameran jentera daripada JBPM dan agensi yang terlibat.



TRAGEDI TANAH RUNTUH RUMAH ANAK-ANAK YATIM DAN ANAK-ANAK RAUDAH MADRASAH AT-TAQWA

Pada 21 Mei 2011 seluruh rakyat Malaysia telah dikejutkan dengan satu bencana yang menyayat hati di Batu 14 Hulu Langat, Selangor iaitu tragedy tanah runtuh yang meranapkan Rumah Anak Yatim dan Anak Hidayah Madrasah Al Taqwa, Lot 3011, Jalan Felcra Semunggis, Batu 14 Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Seramai 16 orang anak-anak dari Rumah Anak Yatim dan Anak Hidayah Madrasah telah tekorban dan seramai 9 orang telah berjaya diselamatkan.

Kejadian bencana tanah runtuh ini telah berlaku pada jam 2.32 petang dan mangsa pertama yang telah meninggal dunia telah berjaya dikeluarkan oleh pasukan penyelamat daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor pada jam 3.00 petang. Seramai 124 orang pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menjalankan kerja-kerja mencari dan menyelamatkan mangsa yang terperangkap didalam bencana tersebut. Selain menggunakan peralatan penyelamat, pasukan penyelamat juga menggunakan bantuan daripada Unit Pengesan (K9) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang berpangkalan di Jalan Klang Lama bagi mengesan mangsa yang tertimbus didalam runtuhan tersebut.

Di dalam kerja-kerja mencari dan menyelamatkan ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah dibantu oleh 24 agensi lain terdiri daripada Bomba Sukarela Kuala Lumpur, PDRM, SMART, Hospital Kajang, JPAM, RELA, Kebajikan Masyarakat, PBS Balakong, PBS Ulu Langat, PBS Kepong, PBS Batu Serai, Unit Keselamat Daerah, Tentera, PBS Seri Serdang, PGA, DBKL, Saint John Ambulance, PBS Bukit Banting, Sukarela Emergency Malaysia, YADIM, Squad Sayang (UMNO) dan UMNO.

Operasi mencari dan menyelamatkan tragedi tanah runtuh di Rumah Anak-anak Yatim dan Anak-anak Raudah Madrasah At-Taqwa diketuai oleh PPjB Mohd Puzi Bin Mohd Tabot, Pemangku Pengarah JBPM Negeri Selangor.



LARIAN BERSAMA BOMBA 2011

Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur sekali lagi dengan kerjasama Persatuan Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan Bomba WPKL (PERSKEB KL) telah diamanahkan untuk menganjurkan program Larian Bersama Bomba 2011 yang diadakan untuk kali yang ke-9 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Program pada kali ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Hadiah yang ditawarkan pada kali ini melibatkan wang tunai keseluruhan RM26,550.00 beserta pingat dan cabutan bertuah.

Objektif utama penganjuran larian ini untuk menunjukkan sokongan kepada pengorbanan dan sumbangan yang diberikan oleh anggota bomba disamping menonjolkan imej dan mengeratkan hubungan Jabatan dengan masyarakat. Selain daripada itu ia juga bertujuan bagi membina masyarakat sihat dan cergas serta sokongan kepada program sukan untuk semua.

10 kategori larian telah diadakan iaitu bagi jarak sejauh 10km, 7km dan 2.5km dengan jumlah penyertaan keseluruhan seramai 6,700 orang. Peserta yang terlibat terdiri daripada ahli-ahli Pasukan Keselamatan Kebakaran Bangunan, Pasukan Bomba Sukarela, pegawai dan anggota bomba daripada seluruh negara, agensi kerajaan dan agensi swasta, para pelajar institusi pengajian tinggi (IPTA/IPTS), pelajar-pelajar sekolah, individu serta orang ramai. Pelepasan Larian Bersama Bomba 2011 telah dilancarkan mengikut kategori oleh Y.Bhg Datuk Ahmad bin Hj. Kabit, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Y.Bhg Tan Sri Ahmad Fuad bin Ismail, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.





1 SEPTEMBER 2011

PENGUATKUASAAN AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL
DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007 (AKTA 672)

HUBUNGI

1 800 88 7472

untuk aduan berkenaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan anda

Pengurusan sisa pepejal bersepadu merupakan sistem yang menggabungkan 6 elemen penting yang sejajar dengan konsep pembangunan mapan dari segi kesihatan awam, ekonomi, kejuruteraan, pemuliharaan, nilai artistik, kesedaran awam serta persekitaran. Elemen yang dimaksudkan adalah seperti penjanaan, penstoran, kutipan, pengangkutan, rawatan perantaraan dan pelupusan. Sila dial 1 800 88 7472 untuk sebarang aduan berkenaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan anda*.



* Bagi Negeri Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Melayi ini diluluskan dengan kerjasama MERA Greater KL/Klang Valley

MAKLUM BALAS

Sebarang maklum balas/aduan berkaitan KPKT dan Jabatan/Bahagian dibawahnya, sila layari

<http://ehome.kpkt.gov.my/aduan-online> atau SMS ke 15888 atau emel ke pro@kpkt.gov.my